



**[ABDUL KADIR ADABI'S THOUGHTS ON THE PRINCIPLES OF HUMANITY
THROUGH *PENGASUH* MAGAZINE]**

**PEMIKIRAN ABDUL KADIR ADABI MENGENAI PRINSIP KEMANUSIAAN
MELALUI MAJALAH *PENGASUH***

Mohamad Firdaus Mohamad,^{1*} Engku Ahmad Zaki Engku Alwi,² Ruhaizan Sulaiman³

¹Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE)

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

²Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

³Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan (FUPL) Universiti Sultan Zainal Abidin
(UniSZA)

*Corresponding Author: firdausmohamadd97@gmail.com

Received: 13 November 2022 | Accepted: 30 November 2022

Abstrak

Kemasukan budaya daripada luar terutama budaya Barat banyak mempengaruhi keadaan sosial masyarakat Melayu di Kelantan. Perbincangan kertas kerja ini merangkumi penglibatan beliau dalam penulisan majalah *Pengasuh*. Prinsip kemanusiaan yang diketengahkan oleh Abdul Kadir Adabi berlandaskan kepada keperluan sosial dan mematuhi hukum syarak yang ditetapkan oleh Islam berlandaskan konsep *ad-din* (الدين) banyak dipengaruhi oleh majalah *Pengasuh* sebagai salah satu medium utama untuk menyebarkan agama Islam secara langsung kepada masyarakat Melayu.

Fokus utama artikel ini adalah terhadap prinsip kemanusiaan melalui majalah *Pengasuh* kepada masyarakat Melayu dan agama Islam di Kelantan. Perbincangan ini menggunakan kaedah kualitatif yang merangkumi pengumpulan dan analisis data daripada sumber primer yang diperoleh daripada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan (MAIK) seperti majalah *Pengasuh* dan naskah al-Quran. Selain itu, sumber sekunder turut digunakan seperti jurnal dan buku bagi mengukuhkan lagi kertas kerja yang dijalankan. Data yang diperolehi akan dianalisis bagi mendapatkan maklumat yang sebenar berkenaan kertas kerja yang dilakukan. Kaedah *Historical Approach* dengan menggunakan kaedah tema digunakan supaya kajian lebih tersusun dan berbentuk analitikal. Hasil perbincangan mendapati bahawa Abdul Kadir Adabi berjaya menerapkan prinsip kemanusiaan dalam memberikan kefahaman Islam berlandaskan konsep *ad-din* (الدين) kepada masyarakat Melayu di Kelantan.

Kata Kunci: *Pemikiran, Abdul Kadir Adabi, Kemanusiaan, Majalah Pengasuh, Kelantan*

Abstract

The influx of culture from outside, especially Western culture, greatly affects the social condition of the Malay community in Kelantan. The discussion of this paper includes his involvement in writing the *Pengasuh* magazine. The principle of humanity highlighted by Abdul Kadir Adabi is based on social needs and obeying the Islamic law based on the concept of *ad-din* (الدين) is heavily influenced by the *Pengasuh* magazine as one of the main mediums to spread Islam directly to the Malay community. The main focus of this article is on humanitarian principles through *Pengasuh* magazine to the Malay community and Islam in Kelantan. This discussion uses a qualitative method that includes the collection and analysis of data from primary sources obtained from the Islamic Religious and Customs Council of the State of Kelantan (MAIK) such as *Pengasuh* magazine and al-Quran manuscripts. In addition, secondary sources are also used such as journals and books to further strengthen the work carried out. The data obtained will be analyzed to obtain real information about the work done. The historical approach method through the theme method is used in order to produce more structured and analytical findings. The results of the discussion found that Abdul Kadir Adabi successfully applied the principle of humanity in providing Islamic understanding based on the concept of *ad-din* (الدين) to the Malay community in Kelantan.

Keywords: Thought, Abdul Kadir Adabi, Humanity, *Pengasuh* Magazine, Kelantan

Cite as: Mohamad, M.F., Engku Alwi, E.A.Z., & Sulaiman, R. (2022). Pemikiran Abdul Kadir Adabi Mengenai Prinsip Kemanusiaan Melalui Majalah Pengasuh. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 1(2), 197-216

PENDAHULUAN


Abdul Kadir Adabi seorang reformis yang idealis terhadap pembangunan masyarakat Melayu di Kelantan terutamanya berkenaan prinsip kemanusiaan dalam mencapai kesempurnaan dalam kehidupan beragama. Sepanjang hayatnya, teras penglibatan utama Abdul Kadir Adabi banyak disalurkan dalam bentuk penulisan bersama beberapa akhbar dan majalah yang terdiri daripada *Pengasuh*, *Kencana*, *Al-Hikmah*, *Putera*. Namun perjuangan utamanya adalah bersama majalah *Pengasuh* antara tahun 1920an- hingga 1940an, Abdul Kadir Adabi dalam perspektifnya lebih daripada sebagai pemerhati sosial. Setiap tulisannya banyak membincangkan keadaan sosial dan pergerakan masyarakat Melayu dalam menerima perkara baharu melibatkan agama Islam, pendidikan dan sosial untuk dipraktikkan sebagai amalan atau tabiat dalam pekerjaan seharian. Abdul Kadir Adabi dilahirkan pada 17 Ogos 1901 di Kampung Raja Dewa, Kota Bharu, Kelantan. Mendapat pendidikan awal daripada ayahnya dan Tok Guru Syeikh Daud Banggul. Abdul Kadir Adabi mula mendapatkan formal pada tahun 1917 semasa di awal penubuhan madrasah Muhammadiyah di Kota Bharu. (Abdul Rahman al-Ahmadi, 2004). Abdul Kadir Adabi juga menerima didikan daripada Tok Kenali secara langsung semasa belajar di madrasah Muhammadiyah pada ketika itu. Lantaran daripada menerima pendidikan terus daripada Tok Kenali, sedikit sebanyak berjaya mempengaruhi Abdul Kadir Adabi dalam tindakannya untuk memahami prinsip kemanusiaan berlandaskan konsep ad-din (الدين). Kepercayaannya terhadap prinsip kemanusiaan membolehkannya menilai sendiri terhadap perilaku masyarakat Melayu termasuk dalam aspek keagamaan, pendidikan dan sosial. kebijaksanaannya dalam majalah *Pengasuh* diakui oleh sidang pengarang kerana impak tulisannya mampu memberikan satu perspektif baharu mengenai agama sekiranya diteliti secara berfokus.

Abdul Kadir Adabi adalah salah seorang anggota Kaum Muda yang bergiat aktif dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat Melayu mengenai kemanusiaan selaras dengan keperluan dunia dan memenuhi tuntutan akhirat. Perspektif Abdul Kadir Adabi ini merupakan salah

satu cara untuk merubah persepsi masyarakat Melayu terhadap kehidupan beragama. Identiti sebagai seorang muslim dimanfaatkan sepenuhnya oleh Abdul Kadir Adabi mengikut garis panduan al-Quran. Sebagai seorang penulis, Abdul Kadir Adabi banyak menggunakan nama pena mengikut kesesuaian identitinya seperti Abdul Kadir Adabi, Abdul Kadir al-Kelantani, Adabi, Abu Mansur dan Abdul Kadir Ahmad. Beliau mengekalkan nama pena Adabi sebagai khusus dalam memberi pengetahuan kepada pembaca mengenai karya yang dihasilkannya.

Pada perkara inilah yang menjadi pemangkin kepada kesedaran ahli-ahli (MAIK) terhadap kepentingan masyarakat Melayu dan pembangunan agama Islam. Idea-idea ini selaras dengan konsep ad-din (الدين), yang mana Islam adalah ad-din yang diredai Allah sebagai suatu cara atau panduan yang sudah lengkap serba-serbinya untuk mengatur serta menyusun kehidupan manusia sejagat.(Engku Ahmad Zaki Engku Alwi,2020) Konsep ad-din (الدين) dan prinsip kemanusiaan inilah sebagai rujukan utama Abdul Kadir Adabi dalam menjelaskan idea menerusi aspek keagamaan, pendidikan dan sosial. seruan Abdul Kadir Adabi dalam majalah Pengasuh *“Tolonglah hiraukan”* *“Apa-apa kewajipan Kelantan sekarang? Dan apakah yang sangat berhajat oleh negeri Kelantan sekarang?”* (Abdul Kadir Adabi, 1926). Kesungguhan Abdul Kadir Adabi dalam menilai akan kepentingan negeri Kelantan dan rakyat di disoalkan olehnya mengenai apa dan bagaimana tindakan yang sewajarnya bagi memberikan kesedaran bahawa apakah tuntutan Islam terhadap umatnya, dan apakah kewajipan sebagai seorang Melayu kepada negerinya. Hal inilah yang difikirkan oleh Abdul Kadir Adabi dalam mengembangkan prinsip kemanusiaan dalam perspektif yang berbeza.

Rajah 1



Sumber: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)

PRINSIP KEMANUSIAAN BERTERASKAN AGAMA

Pasca perang Dunia Pertama antara tahun 1914-1918, dalam tempoh ini berlaku suatu perpindahan secara besar-besaran kesan daripada peristiwa *anti-semitic* ke atas masyarakat Yahudi. Turki antara salah sebuah negara yang memberi perlindungan penuh ke atas pelarian Yahudi kerana mempunyai faedah secara bersama dalam bentuk ekonomi dan perkhidmatan penting. Hal ini mendorong Kaum Muda untuk mengimbas kembali mengenai keadaan Islam di Turki pada abad ke-20. Salah satu perspektif yang dilihat oleh Abdul Kadir Adabi adalah mengenai sifat kesatuan dalam masyarakat yahudi. Sifat kesatuan ini antara salah satu pegangan masyarakat Yahudi dalam membina idea *nation state*, bahkan prinsip kemanusiaan ini melibihi nilai kesatuan sekiranya dipraktikkan oleh masyarakat Melayu di Kelantan dan Islam secara sepenuhnya.

“Sekarang ini orang-orang Yahudi di dalam negeri Turki itu surat-surat khabar telah menyatakan pada tiap-tiap hari berpindah ke negeri lain hampir-hampir beratus orang pada hal dialah sebagaimana yang termasyhur memegang segala panji-panji perkurniaan di dalam negeri Turki itu seperti segala cina-cina dan keling-keling di Tanah Melayu ini dan anak-anak negerinya menjadi pembuli-pembuli sahaja” (Abdul Kadir Adabi, 1930)

Sebagaimana keadaan masyarakat Islam di Turki pada ketika itu untuk melakukan kerosakan atau pembaziran masa dan tenaga pada perkara yang sia-sia. Sungguhpun pendatang Yahudi itu tidak mempunyai sebuah negara yang merdeka, kelebihan bertapak di Turki menjadikannya sebagai sebuah tempat untuk mendapatkan hasil dan digunakan demi kelangsungan kehidupan seharian. Masyarakat Yahudi mempelajari setiap aspek yang terdapat dalam negara Turki untuk dimanfaatkan kepada bangsanya meliputi aspek pertahanan, pembangunan dan perindustrian (Edip Oncu, 2021).

Perbandingan yang dibuat oleh Abdul Kadir Adabi ini seakan-akan memberi peringatan tegas kepada masyarakat Melayu agar sentiasa memanfaatkan kelebihan sebagai Melayu dan penduduk asal negeri Kelantan. Persaingan antara kuasa, ekonomi dan sosial boleh menghapuskan semangat kesatuan dalam kalangan masyarakat Melayu. Seruan ini sebagai suatu ingatan bahawa pendatang asing lain yang terdapat di Tanah Melayu pada awalnya adalah buruh kepada British namun berjaya dimanfaatkan sepenuhnya oleh mereka sebagai suatu hasil yang memberikan keuntungan kepada bangsa mereka. Abdul Kadir Adabi tidak menginginkan perkara-perkara sedemikian berlaku bagi masyarakat Melayu di Kelantan. Keadaan semasa masyarakat Islam di Turki seperti tidak mempunyai jati diri dan identiti dengan melakukan kerosakan dan kekacauan. Merujuk kepada Abdul Kadir Adabi sebagaimana berikut:

“kegemarannya membeli jualan-jualan orang dagang dan menjadikan anak-anak negerinya secukup-cukupnya mengerti atas segala ke ada kuah tumpah ke nasi” (Adabi, 1930)

Masalah sosial yang berlaku di Turki amat berkait rapat dengan penghayatan agama Islam dan nilai-nilai moral daripada didikan ibu bapa. Seharusnya, sebagai generasi baharu masyarakat Melayu sepatutnya didedahkan dengan penghayatan dan didikan secara berterusan dengan menghapuskan bentuk pemikiran feudalisme dalam amalan seharian. Sekiranya feudalisme dengan keagamaan tidak diasimilasikan dalam kegiatan seharian, maka Abdul Kadir Adabi percaya bahawa pemurnian agama Islam ini lebih mudah dilaksanakan dalam merubah persepsi masyarakat Melayu terhadap agama Islam seterusnya megalakkan masyarakat berfikir bahawa agama Islam menyarankan untuk mengamalkan prinsip kemanusiaan. Sungguhpun, teori Melayu malas di khaskan oleh Swettenham, namun kejituannya tidak menepati pada aspek sosial dan tempat masyarakat Melayu tersebut. Frank Swettenham menilai perspektif Melayu malas berdasarkan pemerhatian setempat pada ketika itu. Namun, penjelasan yang diberikan oleh Ungku Aziz dalam Berita Harian bertarikh 5 Disember 1987 menyatakan sebaliknya sebagaimana kenyataan berikut:

“pokoknya, siapakan yang sanggup keluar menoreh getah dari waktu subuh lagi. Siapakah yang pernah ke laut bermula jam dua pagi. Siapa pula yang sedia menajak atau menengala sawah di tengah panas terik? Semua ini dilakukan oleh penduduk Melayu di desa-desa” (Ungku Aziz, 1987)

Abdul Kadir Adabi meneliti banyak perkara pada perkara berkenaan, tanggapan British bahawa Melayu malas adalah kerana hanya melalui perspektif dan perbezaan cara bekerja sahaja. Masyarakat Melayu mudah untuk dibentuk pemikirannya akan tetapi secara berkadar dengan memberi panduan dan kesan terlebih sebagai jaminan kepada keyakinan mereka untuk menyakini kepada setiap usaha yang dilakukan oleh Abdul Kadir Adabi. Analogi daripada keadaan sosial di Turki ini mendorong Abdul Kadir Adabi memperihalkan tentang kelebihan dan kekurangan yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat Melayu ekiranya mereka rajin dan sebaliknya.

Pendekatan yang digunakan oleh Abdul Kadir Adabi melalui majalah *Pengasuh* dapat memberikan suatu pengadilan moral yang ingin dijadikan sebagai panduan bagi masyarakat Melayu dengan memberikan kesan-kesan sosial sekiranya penghayatan pendidikan agama tidak dipraktikkan secara tegas kepada kanak-kanak pada peringkat awal. Hal ini demikian kerana akan dapat memastikan pendidikan ini lebih bersifat terbuka kepada semua perspektif melibatkan kemanusiaan dan kehidupan beragama. Abdul Kadir Adabi banyak mengambil kisah perjuangan umat Islam dari Timur Tengah untuk dijadikan sebagai rujukan kepada perjuangan dan membangkitkan nilai kemanusiaan bahawa Islam mendidik umatnya untuk sentiasa berkembang dan menjadikan seberapa banyak kebaikan bagi membangunkan masyarakat, agama dan bangsa (Surah al-Ra’ad). Timur Tengah sebagai rujukan kepada bentuk nasionalisme pendidikan ini secara jelas menggambarkan Abdul Kadir Adabi mengambil contoh daripada kerajaan Islam Turki dengan mendedahkan tuntutan pemerintah Turki kepada rakyatnya seperti demikian

“bahawa pemerintah Turki sekarang ini sedang mencuba dengan seberapa bolehnya hendak menjadikan sekalian pencarian dan perniagaan dan dagangan besar dan kecilnya di dalam negeri Turki ini dipegang oleh anak-anak bangsanya sendiri (muslim turki) dengan kerana ini dan lain-lainnya telah jadilah orang yang tidak beragama Islam dalam negeri itu dapat berbagi-bagi kesusunan hendak meneruskan perusahaan-perusahaannya” (Adabi, 1930)

Penekanan kepada bentuk pemerintahan Islam menjadi teras kepada Turki untuk memberi kuasa secara penuh kepada umatnya untuk digunakan sepenuhnya oleh pemerintah yang dilihat sebagai khalifah ke arah pembangunan atau kemunduran masyarakat di Turki. Pendekatan ini cuba di bangunka oleh Abdul Kadir Adabi sebagai asas kepada pemerintahan Islam di Kelantan.

Pergolakan yang berlaku di istana negeri pada awal 1900 antara sebab utama Tok Kenali cuba membangunkan MAIK dan majalah *Pengasuh* sebagai medium untuk memastikan autoriti kuasa British tidak disalahgunakan pada perkara perundangan semata-mata. Konsep kesatuan dalam masyarakat Kelantan cuba dibentuk oleh Kaum Muda melalui kegiatan utama mereka iaitu pada pekerjaan. Keadaan ini pada dasarnya adalah ingin memberi pendedahan bahawa dengan mengamalkan konsep kesatuan dalam komuniti maka usaha untuk membangunkan pendidikan hasil daripada sumbangan bersama mampu dibangunkan sebuah institusi kepada anak-anak negeri.

Abdul Kadir Adabi telah melangkaui pemikiran pada zamannya, disebabkan pengaruh ekonomi kapitalis dan feudalisme maka Abdul Kadir Adabi meletakkan prinsip kemanusiaan agama Islam melalui pendidikan. Penekanan prinsip kemanusiaan ini adalah dengan menyediakan jalan-jalan lurus mengenai ketetapan agama Islam sebagai yang diperintahkan oleh Allah S.W.T. Sebagaimana ketetapan agama Islam telah menetapkan segala peraturan bagi memberi kemajuan kepada ummahnya, Kaum Muda hanya melaksanakan segala tugas yang telah diberikan oleh Tuhan dan menjalankan fungsi kenabian secara berterusan mengikut kepentingan dan keperluan bagi masyarakat Melayu dan Islam.

Peristiwa kedatangan masyarakat Yahudi di Turki dalam monopoli sumber di Turki memberikan gambaran kepada Abdul Kadir Adabi berkenaan status dan hak mereka sebagai anak-anak negeri jika dibandingkan dengan masyarakat Cina dan India. Persoalan mengenai hak melibatkan kepentingan Melayu dan Islam lantang diperjuangkan oleh Kaum Muda terutama sekali dalam pendidikan. Secara jelas Abdul Kadir Adabi mempersoalkan mengenai hak bagi masyarakat Melayu seperti yang telah dilakukan di Turki. Keutamaan harus diberikan kepada masyarakat Melayu dan Islam sekiranya sesuatu dasar dilaksanakan. Namun, kelebihan Kaum Muda di Kelantan adalah dengan adanya Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan (MAIK), menjadi sebahagian pusat telekomunikasi yang paling berkesan untuk mengedarkan seberapa banyak majalah yang diterbitkan dalam seminggu.

Sekiranya kesedaran sedemikian tidak dibawa masuk dan diedarkan melalui majalah *Pengasuh* maka kesedaran terhadap kepentingan Melayu tidak menjadi perkara utama tuntutan mereka kepada sultan. Keberadaan majalah *Pengasuh* dengan perkembangan reformasi di Mesir adalah selari disebabkan perkembangan pengajian dalam pendidikan Islam dan majalah khususnya kepada masyarakat Islam. setiap anggota Kaum Muda di Kelantan mempunyai kepakaran dalam bidang

yang diceburi, maka kelebihan inilah digunakan oleh Kaum Muda sebagai suatu strategi utama dalam menyebarkan suasana dan perkembangan semasa Islam mengikut kesesuaian isu yang berlaku. Kebijaksanaan Abdul Kadir Adabi dalam membentuk idea-idea mengenai kemanusiaan banyak disalurkan melalui penulisan majalah *Pengasuh*. Perkembangan negeri Kelantan didominasi daripada Majlis Ugama Islam an Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan majalah *Pengasuh*. Walaupun penubuhan MAIK di bawah seliaan Sultan, namun anggotanya terdiri daripada kalangan Abdul Kadir Adabi yang mendapat pendidikan terus daripada Tok Kenali membolehkan idea-idea pembaharuan diserapkan ke dalam majalah *Pengasuh*. Keadaan suasana di Turki memberi ilham kepada Abdul Kadir Adabi dengan membuat perbandingan kaum yang terdapat di Kelantan. Kaum Cina dan India adalah pesaing utama bagi kemajuan masyarakat Melayu dalam pendidikan. Namun dalam konteks agama Islam, Kaum Muda lebih menekankan kepada aspek pendidikan dan Islam yang lebih kompeten untuk diperjuangkan.

Sepanjang perjuangan Abdul Kadir Adabi, pendedahan daripada negara luar menjadi aspirasi kepada penerapan prinsip kemanusiaan dalam pendidikan di Kelantan. Idea-ideanya diasimilasikan dalam bentuk perspektif pemikiran. Majalah *Pengasuh* tidak terikat dalam hal ehwal negeri Kelantan sahaja, fokus utama adalah mengenai perkembangan akhbar-akhbar sebagai massa dalam menyebarkan maklumat secara terus kepada masyarakat Melayu. Abdul Kadir Adabi mempertontonkan Islam kepada masyarakat Melayu melalui majalah *Pengasuh* sebagai rujukan keadaan Islam di negara Barat dengan memberi penekanan kepada aspek kemanusiaan. Sebagaimana pernyataan di bawah:

“banyaklah cakap-cakap kedengaran berpapah antara orang-orang kita di sini semenjak Pengasuh dan lain surat khabar Melayu kita menyebarkan keadaan pemerintah Perancis dan Islam Maghribi atau paksaan penguasa yang keras atas silemah yang telah ada di dalam taklukkannya sampai memakai ugama Kristian dan membuang ugama Islam daripada dada saudara-saudara kita yang dukacita itu”(Abu Mansur, 1930)

Keutuhan pegangan akidah atau paksaan pemerintah Barat di negeri Islam untuk melaksanakan segala perundangan mengikut kehendaknya. Perkara ini telah memberikan kesan besar kepada umat Islam khususnya terhadap perubahan sosiobudaya pada amalan keagamaan. Justeru itu, Abdul Kadir Adabi dengan tegas mengambil iktibar daripada peristiwa yang berlaku di Maghribi kesan penguasa Perancis yang memaksa untuk menganut agama Kristian. Oleh hal yang demikian, tindakan Kaum Muda dalam melakukan pembaharuan pendidikan tidak hanya pada aspek mata pelajaran namun, tumpuan pada pegangan akidah masyarakat Melayu menjadi persoalan utama

mereka. Keadaan semasa inilah mendorong Kaum Muda dalam menjelaskan peri pentingnya pendidikan dalam konteks pembangunan ummah dan kemajuan masyarakat Melayu.

PRINSIP KEMANUSIAAN BERTERASKAN PENDIDIKAN

Pembaharuan ini adalah dasar pertama mereka dalam mewujudkan sebuah pusat pengajian pertama yang bersifat Islam moden. Idea-idea ini yang cuba diketengahkan oleh Abdul Kadir Adabi yang diilhamkan oleh Tok Kenali untuk mengetengahkan pendekatannya mengikut kesesuaian masyarakat Melayu di negeri Kelantan pada ketika itu. Apakah tujuan murid-murid ke sekolah? Hal ini akan dapat dinilai sendiri oleh anak-anak Melayu Kelantan tentang tujuan utama mereka ingin mendapatkan pelajaran awal di sekolah Melayu. Sebagaimana kenyataan Abdul Kadir Adabi seperti berikut:

“nescaya didapati jawapan 99 persen daripadanya hendak makan gaji dengan kerajaan (jadi orang gaji kerajaan) dan hendak menjadi pegawai kerajaan belaka dan barangkali satu persen sahaja hendak mencari nafkahnya membuat perkerjaan sendiri, ini pun kita ada suka lagi ada demikian itu” (Abdul Kadir Adabi, 1930)

Maka tiap-tiap anak-anak Kelantan mempunyai cita-cita yang besar untuk menabur bakti kepada tanah airnya sendiri. Tidak dinafikan bahawa anak-anak Kelantan sudah mengenal kepada kehendak kemajuan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan walaupun Kelantan masih muda dengan segalanya. Pendidikan menjadi alat perhubungan utama masyarakat Kelantan dengan dunia luar. Abdul Kadir Adabi memanfaatkan ideanya untuk disebarkan dalam mengembangkan aspek kemanusiaan dalam pendidikan di Kelantan. Anak-anak Kelantan menjadi perhatian utama Abdul Kadir Adabi apabila Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan (MAIK) menubuhkan sebuah maahad Muhammadi yang pertama pada tahun 1917.

Hal ini memberikan kelebihan kepada Abdul Kadir Adabi untuk merekrut seberapa ramai ahli baru untuk didedahkan dengan pendidikan yang bersifat “duo-functional education”. Pendekatan pendidikan di Kelantan lebih mengutamakan kepada ilmu kemanusiaan, sains dan pendekatan subjek agama sebagai teras untuk mendidik anak-anak Melayu Kelantan. Kaum Muda mempunyai pendirian yang besar terhadap pendidikan di Kelantan. Justeru itu, pendidikan difokuskan secara menyeluruh tanpa mengira jantina dan latar belakang sosial. Kehendak Abdul Kadir Adabi ingin menyebarkan pendidikan ke seluruh Kelantan dengan mengadakan satu sekolah bagi perempuan di Kelantan. Abdul Kadir Adabi melalui majalah *Pengasuh* meyatakan rasa syukur apabila ada

sambutan terhadap idea mereka pada hasrat ingin menubuhkan sebuah sekolah kelak. Sebagaimana pernyataan Abdul Kadir Adabi seperti berikut:

“Bersangatan kemari dan sukanya hati kita mendengar suara pengasuh kita dihormati menyebut-nyebut akan sekolah perempuan di Kelantan dan permohonan yang bersungguh-sungguh kepada kerajaan cuba membangunkan sekolah itu di bandar Kota Baharu ini, maka atas permohonan itu kita sukahati dan menyertainya bersama-sama harapan kepada limpah kurnia kerajaan itu dengan sebab semua negeri-negeri lain telah mengadakan sekolah perempuan dan masa di Kelantan ini telah menyeru sangat-sangat berhajat kepadanya, sungguhpun tidak banyak suara-suara nyata akan dia”(Abdul Kadir Ahmad, 1930)

Keyakinan emasipasi terhadap wanita itu menjadi kewajipan utama Abdul Kadir Adabi dalam mengangkat martabat golongan wanita ke arah yang lebih baik dalam sistem sosial masyarakat Melayu. Asas perjuangan Kaum Muda bersandarkan kepada konsep ad-din (الدين) dalam agama jelas menyatakan bahawa setiap manusia sama disisi Tuhan melainkan ketaqwaannya. Dalam konteks pendidikan, konsep ad-din (الدين) tidak dipraktikkan sepenuhnya oleh ibu bapa kepada anak-anaknya. Krisis pemahaman Islam menjadi pendorong utama kepada perpecahan status sosial dalam peringkat bawahan. Lantaran itu, ibu bapa akan menjadi alat propaganda kepada anak-anak mereka dalam menyampaikan pesanan sosial secara langsung tentang pendidikan. Persoalan ini, bukan hanya pada fikiran Kaum Muda malah turut mempengaruhi pemikiran anak-anak Melayu Kelantan yang masih tertanya-tanya tentang pembaharuan bagi dirinya.

Jika pendidikan dibentuk pada peringkat awal dalam satu kelompok masyarakat di bandar sahaja, maka akan berlaku ketidakadilan dalam mencapai tahap ad-din (الدين). Pendidikan merupakan sebuah kuasa autonomi yang mampu dibentuk daripada kehendak pemerintah samada ke arah kesetiaan atau menjadi revolusioner. Kaum Muda melihat perspektif pendidikan sebagai satu senjata kepada pembaharuan, hal ini didorong oleh kemajuan pendidikan di Mesir. Bagaimana Kaum Muda cuba mengerahkan satu ideologi pembaharuan kepada anak-anak Melayu Kelantan? Penubuhan sekolah merupakan satu jalan selamat bagi orang Melayu, akan tetapi pada peringkat awal tahun 1900 di negeri Kelantan, iainya masih lagi dalam bentuk fiksyen pemikiran. Abdul Kadir Adabi melalui penulisan dalam majalah *Pengasuh* menyatakan sebagaimana demikian:

“Selagi pelajaran-pelajaran kepada perempuan itu tidak diberi, lazimlah kemajuan itu menjadi lambat kerana penggalak kepada laki-laki itu ialah perempuan-perempuan dan jika perempuan tiada mempunyai pelajaran-pelajaran lazimlah tiada mereka itu mengetahui bagaimana hendak menggalakkan laki-laki kepada membuat perkerjaan-perkerjaan dan langkah-langkah yang terpuji, dari itu wajibnya ia menggalak akan dia dengan kemajuan kejadian yang

lemah lembut dan perhiasan yang comel molek itu kepada jalan-jalan menambahkan kekejian jua dengan ketiadaan saudaranya terutama sekali pada orang-orang muda pada hal orang-orang muda itulah yang sangat-sangat dikehendaki oleh masa kerana sihat dan segar bagi menghadapi kebenaran-kebenaran dan mengjihadkan tiap-tiap lintangan dan kejadian”(Abdul Kadir Ahmad, 1930)

Pernyataan ini bagi memenuhi tuntutan kehendak sosial masyarakat Melayu secara lahiriahnya memerlukan antara satu sama lain. Jika dilihat dari sisi sosial, pendidikan bagi golongan perempuan turut diperjuangkan oleh Abdul Kadir Adabi untuk meletakkan satu aras sosial yang sama dalam sistem masyarakat Melayu di Kelantan. Kaum Muda melihat pendidikan bagi golongan perempuan wajar diberikan jika hendak diberikan tugas-tugas mentadbir dalam hal berkaitan kemajuan diri, rumahtangga dan anak-anak. Perspektif sosial yang cuba di perjuangkan oleh Abdul Kadir Adabi tidak bertentangan dengan hukum ajaran Islam, namun dibatasi oleh tindakan dalam memberikan pendidikan pada tahap aliran yang dirasakan sesuai mengikut peringkatnya. Idea dalam menggabungkan pelajar lelaki dan perempuan dalam satu kelas ini merupakan pendekatan awal Kaum Muda seperti mana yang dilaksanakan di sekolah Inggeris.

Tuntutan sosial ini adalah sebagai pemangkin kepada pelajar lelaki supaya rajin ke sekolah apabila melihat pelajar perempuan turut serta dalam satu sesi kelas atau sekolah yang sama. Seruan daripada Abdul Kadir Adabi ini adalah untuk memberi dorongan sosial dalam pendidikan khususnya kepada anak-anak Melayu Kelantan. Pembaharuan pendidikan di Kelantan banyak dicetuskan melalui majalah *Pengasuh* sebagai medium dalam memberikan kesedaran terhadap kepentingan ilmu pengetahuan. Majalah *Pengasuh* boleh dianggap sebagai alat propaganda awal di Kelantan berikutan fungsinya sama seperti “letter’s order” daripada kerajaan kepada masyarakat tanpa mengira status sosial. Identiti pendidikan cuba dibentuk oleh Kaum Muda melalui majalah *Pengasuh* sebagai jalan persediaan awal semasa penerbitannya untuk masyarakat Melayu di Kelantan. Hal ini telah dijelaskan oleh Abdul Kadir Adabi sebagaimana berikut:

“Kita biasa dan berbual-bual dengan kebanyakan daripada orang-orang Melayu kita di bandar ini, maka sentiasa apabila diterbitkan kalimah sekolah perempuan di Kelantan itu dikehendakkan sekarang bagaimana negeri-negeri lain juga, tiadalah nampak pada pemandangan kita satu suara atau kiranya pun yang hendak menyebut tidak mahukan sekolah itu, kalau bagitu beranilah kita berkata suatu jemalah yang besar daripada anak-anak perempuan bandar kota baharu ini akan dihantar oleh ibu bapanya belajar kelak apakali kerajaan mengadakan sekolah itu, bahkan telah banyak suara yang memperati akan segala kewajipan pelajaran-pelajaran

kepada perempuan itu diberi sekarang dan telah acapkali kita mendengar ahli bandar ini berkata-kata”(Abdul Kadir Ahmad,1930)

Abdul Kadir Adabi tertarik dengan semangat yang dipamerkan oleh masyarakat Kelantan dalam mengesyorkan hak pendidikan untuk diadakan di Kota Baharu. Pemerhatian Kaum Muda mendapati kebanyakan suara masyarakat Kelantan menginginkan sekolah perempuan dibina di Kota Baharu sebagai persediaan utama bagi anak-anak perempuan mereka. Ibu bapa begitu mendesak kerajaan supaya diadakan satu sekolah bagi anak-anak perempuan supaya mereka tidak lalai dan terkandas dalam kemajuan yang semakin memerlukan ilmu pengetahuan sebagai alat pembentukan kepada tamadun. Intipati seruan ini menggambarkan kerisauan ibu bapa apabila merasakan perempuan akan hilang taraf sosialnya yang sepatutnya berada setaraf bersama kaum lelaki. Pandangan ini mula muncul kesan daripada perkembangan sekolah Melayu bagi lelaki di Kelantan. Sikap progresif Abdul Kadir Adabi inilah yang mahukan tradisi keilmuan berkembang dalam kalangan masyarakat Melayu dan berfikiran secara terbuka seterusnya membangkitkan nilai-nilai patriotisme khususnya dalam kalangan ibu bapa.

Seruan pembaharuan dalam pendidikan inilah di dambakan oleh Abdul Kadir Adabi sebagai bekalan wakaf ilmu kepada generasi akan datang dan menilai sendiri akan keberhasilan usaha yang dilakukan. Salah satu perjuangan utama adalah terhadap emansipasi wanita untuk memberikan tahap kesamarataan terhadap masyarakat Melayu di Kelantan. Hasrat besar Kaum Muda ingin didambakan oleh semua para ibu bapa yang mahukan anak-anak mereka diberikan pendidikan sama seperti prinsip jus soli. Kesamarataan hak dalam pendidikan bagi masyarakat Melayu menjadi inspirasi kepada Abdul Kadir Adabi dalam mengetengahkan konsep ad-din secara menyeluruh melalui pendidikan. Abdul Kadir mendukung cita-cita British terhadap dasar pendidikan namun lebih mengutamakan kepada kesedaran pendidikan bagi masyarakat Melayu di Kelantan. Maka Abdul Kadir Adabi mengetengahkan pendapatnya mengenai golongan muda yang sering bergolak dengan idea, identiti dan hala tuju sebagai seorang masyarakat Melayu hidup dalam rumpun yang sama. Abdul Kadir Adabi secara jelas menyatakan kenyataannya berhubung peranan golongan muda sebagaimana tegasnya:

“bahawa muda itu manis lagi menjadi ubat dan tiap-tiap ribut itu membersihkan cahaya dan udara kemudiannya”(Adabi, 1930)

Golongan belia di negeri Kelantan adalah sebahagian daripada aset utama yang menjadi perhatian bagi Kaum Muda dalam memberikan kesedaran mengenai pendidikan melalui majalah *Pengasuh*. Pemikiran Abdul Kadir Adabi sama seperti Tok Kenali dalam sidang pengarangnya menegaskan bahawa untuk memberikan kesedaran terlebih dahulu memahami permasalahan yang menjadi persoalan utama bagi golongan muda di negeri Kelantan. Idea-idea ini menjadi suatu perspektif bagi menilai tentang tingkah laku dan penerimaan masyarakat Melayu terhadap makna pembaharuan dan keterbukaan mereka sebagai generasi baharu dalam pendidikan.

PRINSIP KEMANUSIAAN BERTERASKAN SOSIAL

Pegangan akidah Islam yang lemah menyebabkan timbul masalah sosial berkaitan dengan hukum syarak. Justeru itu, Abdul Kadir Adabi mengambil pendekatan dengan mendokumentasikan permasalahan berkaitan sosial untuk dipaparkan kepada pengetahuan masyarakat Melayu di Kelantan. Hal ini menjadikan Abdul Kadir Adabi begitu tegas dalam menyuarakan pandangan berkenaan masalah sosial disebabkan pemahaman sempit masyarakat Melayu mengenai agama Islam. Melalui majalah *Pengasuh*, seperti yang dinyatakan oleh Abdul Kadir Adabi

“soal ini bagi mengetahui bagaimana patuh kita rajin atau berkata-kata di dalam perkara-perkara judi dan sundal mengikut keadaan masa kita ini. Maka jawab baginya itu disini kita ada bersalahan-salahan kerana bersalahan tempat dan peredaran kehindurngannya, maka bagi memberi teladan itu tawaslah kita pergi kepada ilmu yang lain daripada Kelantan ini kerana padanyalah ada cukup lengkap contoh-contoh yang memuaskan keinginan itu.”(Abdul Kadir Kelantani, 1927)

Abdul Kadir Adabi menyifatkan kepatuhan masyarakat Melayu dalam soal hukum islam bukan hanya pada perkara asas Islam sahaja, namun penghayatan secara menyeluruh perlu diamalkan oleh mereka dalam menjalankan setiap tugas kehidupan (Muhammad Yusuf Kenali, 1918). Abdul kadir Adabi menegaskan bahawa pengahayatan ilmu pengetahuan bagi masyarakat Melayu berbeza mengikut tempat dan sosialnya. Jika kehidupan bersosial melebihi cara hidup kehidupan beragama maka akan muncul masalah sosial dalam kalangan masyarakat yang akhirnya meruntuhkan institusi masyarakat Islam itu sendiri. Idea-idea ini seperti mengesyorkan masyarakat Melayu untuk beredar dan berhijrah keluar daripada Kelantan untuk menuntut tentang ilmu pengetahuan dan teladannya yang dapat diambil oleh masyarakat Melayu terhadap impak perjudian dan persundalan secara menyeluruh. Abdul Kadir Adabi tidak hanya melihat kepada keburukan

masalah yang dihadapi oleh masyarakat Melayu malah cuba untuk menyediakan jalan selamat seperti yang dianjurkannya untuk berhijrah ke luar Kelantan.

Seruan Abdul Kadir Adabi ini dilihat untuk memberi satu analogi bahawa perjudian dan persundalan mampu memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu dan menyediakan langkah awal kepada penghijrahan masyarakat serta akan dapat mengatasi masalah kejutan budaya yang dialami oleh mereka terutama kepada golongan dewasa yang menjadi ketua keluarga atau individu yang terdesak dengan kesempitan ekonomi semasa pada ketika itu. Perbezaan taraf ekonomi dan sosial inilah yang memaksa masyarakat Melayu untuk mencuba pada perkara perjudian ini, dengan niat awalnya mungkin ingin menambahkan pendapatan namun lama-kelamaan mereka menjadi seronok dan teruja terhadap aktiviti yang dilakukannya. Perkara ini yang dirasakan oleh Abdul Kadir Adabi kepada kemunduran dalam melakukan pembaharuan dalam pendidikan. Dalam menghadapi cabaran yang mendatang terhadap masalah perjudian ini, Abdul Kadir Adabi ingin memurnikan Islam melalui penulisannya melalui majalah Pengasuh secara berhemah dan teratur laras bahasa dan ucapannya. Analogi yang ingin diberikan oleh Abdul Kadir Adabi meliputi kepada aspek-aspek luar yang dirasakan mampu menyedarkan masyarakat Melayu Kelantan terhadap kesalahan berjudi ini. Jika undang-undang manusia boleh menghukum kesan daripada perjudian ini tidak mustahil undang-undang yang Maha Esa lagi berat siksaan jika masyarakat Melayu sudah mengetahui pada awal kedatangan budaya perjudian di Kelantan.

Ali Shariati turut menyatakan bahawa Islam yang sebenar adalah sosialisme sebenar dan sosialisme sebenar adalah Islam yang sebenar (Ali Shariati, 2017), idea ini diguna pakai oleh Kaum Muda untuk dijelaskan kepada masyarakat Melayu tentang kepatuhan terhadap agama Islam boleh dipengaruhi oleh sosialisme yang berlebihan. Sosialisme dan masyarakat Melayu pada ketika itu banyak dipengaruhi daripada budaya-budaya luar yang mendorong masyarakat Melayu mengabaikan tindakan mereka terhadap mematuhi tugasnya sebagai seorang muslim.

Masalah sosial di Kelantan turut dipengaruhi daripada kemasukan pengaruh British. Identiti dan wawasan Islam yang lemah menyebabkan masyarakat mudah lalai dalam menangani kehendak sosial mendatang. Seruan Abdul Kadir Adabi untuk mengesyorkan masyarakat Melayu untuk berhijrah ke luar negeri dari Kelantan dalam menuntut ilmu pengetahuan selain daripada mendepani isu-isu sedia ada di Kelantan. Pemahaman agama Islam banyak dipengaruhi aktiviti sosial yang dijalankan oleh masyarakat Melayu, sama ada membiasakan amalan yang ditegah

dalam Islam dan meninggalkan yang wajib untuk diikuti oleh mereka? Maka Abdul Kadir Adabi cuba membuat analogi daripada pemerhatiannya berkenaan sosialisme Melayu:

“Kita lihat dan kita dengar beberapa saudara dan kelakuan setengah-setengah daripada ahli kita menemplak dan menunjukkan nasihat-nasihat hal ehwal itu sungguhnya bukanlah sekali dua tetapi adalah iainya ditinggalkan hampa sahaja maka masalah itu mewajibkan kita berfikir pada apakah yang menyebabkan laki-laki yang itu tidak memberi kelazatan telinga pendengaran dan senjata yang tajam-tajam itu tidak membekaskan sedikit gurisan pada menunjukkan bisanya dikulitnya itu. Maka halnya kita mendapat ketahui segera yang juga kita pergi semakin jauh nescaya semakin dalam dan jika kita tambah-tambahkan usaha kerananya nescaya teriak persoalan darimana punca yang menerbitkan judi-judi dan persundalan itu dan apakah sebab-sebab yang menggagalkan hidupnya sekarang kita tidak hendak menghuraikan panjang lebar didalam perkara ini”(Abdul Kadir Kelantani, 1927).

Pada hemat Abdul Kadir Adabi masalah perjudian dan persundalan ini boleh diatasi jika kesemua masyarakat Melayu mendengar dan mentaati setiap perintah yang diperuntukkan oleh Islam. Sikap sombong, kurangnya berfikir dan percaya terhadap pegangan agama sama sahaja dengan bertaklid tanpa ada rujukan terperinci terhadap sesuatu perkara atau pekerjaan. Nasihat yang diberikan oleh Kaum Muda kepada masyarakat Melayu tidak dijadikan sebagai panduan untuk memerhati dan meneliti tentang judi dan persundalan. Kiasan yang diberikan oleh Kaum Muda itu sememangnya untuk memberi kesedaran secara berhemah dan beradab tanpa menyatakan tentang penjelasan maksud sebenar bahawa mereka sudah terleka dengan aktiviti perjudian dan persundalan.

Abdul Kadir Adabi memerhatikan pada sisi-sisi inkuiri masyarakat Melayu pada nasihat yang diberikan oleh agama Islam dan kepatuhan masyarakat Melayu terhadapnya. Faktor sosial turut menjadi punca utama kepada kewujudan perjudian di Kelantan. Namun, Abdul Kadir Adabi menilai masyarakat Melayu dengan kelebihan nikmat yang dikurniakan oleh Tuhan kepadanya dan tentang persoalan adakah mereka menggunakan dengan sebaiknya. Nikmat Islam yang dimiliki oleh setiap masyarakat Melayu hanyalah sebagai lambang kepatuhan kepada Islam secara umumnya. Selebihnya isu-isu lain berkaitan judi seolah-olah diabaikan fungsinya sebagai seorang Islam yang sebenar. Abdul Kadir Adabi terkilang dengan masalah sosial yang berlaku di negeri Kelantan walaupun perkara halal haram itu semestinya sudah diketahui oleh mereka sejak dari kecil lagi. Namun, hal ini menjadi kerisauan bagi Abdul Kadir Adabi yang mana perkara perjudian dan persundalan ini sukar untuk dibendung kesan daripada kedangkalan untuk menerima nasihat tentang bahaya perjudian dan persundalan yang akan merosakkan institusi masyarakat Melayu.

Syed Syeikh al-Hadi dalam bukunya *Ugama Islam&Akal* ada menerangkan mengenai cerca Quran terhadap orang yang tidak menggunakan akal nya iaitu

“lebih-lebih lagi cerca Tuhan di dalam Qurannya akan sekalian mereka yang tiada hendak membukakan akal mereka daripada terbelenggu dan melepaskan daripada terikat supaya boleh akal mereka itu berjalan dengan kebebasan”(Syeikh al-Hadi, 2017)

Disebabkan oleh kepatuhan masyarakat Melayu yang menebal kepada undang-undang feudal maka dihibabnya kepatuhan kepada agama Islam dengan menyamakan pada setiap pekerjaan tanpa mengambil kira kepada hukum hakam terlebih dahulu. Pandangan ini jelas menunjukkan sikap kepatuhan kepada feudalisme masih lagi diamalkan oleh masyarakat Melayu pada ketika itu. Keadaan masyarakat Melayu yang terikat dengan kepatuhan undang-undang feudal memaksa masyarakat berfikir pada tahap mematuhi dan tidak menggunakan akal fikiran untuk memajukan pemikiran yang bersifat saintifik dan terbuka mengikut kebebasan yang dimiliki. Pemikiran seperti ini lebih bercorak agama dalam bentuk kapitalis (Shaharuddin Maaruf, 2020), memaksa masyarakat Melayu untuk redha dan menerima pada setiap apa yang sudah disediakan oleh pemerintah Inggeris pada ketika itu. Walaupun masyarakat Melayu mudah untuk menerima dan menyesuaikan pada setiap keadaan, namun Syeikh al-Hadi bertegas untuk menidakkan pada kedangkalan yang ditunjukkan oleh masyarakat Melayu itu yang akan menyebabkan masyarakat Melayu rugi pada segala perkara yang dilakukannya. Abdul Kadir Adabi menyifatkan keadaan masyarakat Melayu dengan perjudian ini seperti sudah serasi bahkan menjadi amalan yang patut dilakukan bagi masyarakat Melayu. Sebagaimana kenyataan yang dibuat oleh Abdul Kadir Adabi seperti berikut:

“yang nyatalah perjudian dan persundalan itu di negeri ini telah menjadi pusaka yang termasuk di bawah bidalan “biarlah anak-anak itu itu termalang asalkan keduanya itu jangan terhilang” dan dari sebab itu dengan mengkanun harta kita kepada saudara kita mudahan tidak merenget berkata apa-apa kerananya dengan jalan tempelak atau menghiraukan natijah-natijah hal itu kerana ahlinya sendiri ada terlebih bilang pendapatan lagi mahir daripada kita dan jua soalah-olah kita lupa daripada menyelidik hakikatnya”(Abdul Kadir Kelantani, 1927)

Melalui pemerhatiannya, Abdul Kadir Adabi secara jelas mengatakan isu perjudian dan persundalan ini seperti dijadikan suatu ikutan dalam kalangan masyarakat Melayu. Sama seperti aktiviti laga lembu yang menyumbang kepada amalan perjudian walaupun pada hakikat bagi masyarakat Melayu hanyalah sebagai insentif kepada duit poket mereka. Tanggapan seperti ini amat jelas bertentangan dengan ajaran agama Islam, walhal dengan cara inilah mereka ingin

mendapatkan wang dengan cara mudah, namun dilupakan pada ketetapan hukum Islam yang sebenarnya. Bidalan yang dimaksudkan oleh Abdul Kadir Adabi ini cuba menggambarkan tentang penerimaan dan keadaan masyarakat Melayu pada ketika itu, mereka meletakkan amalan perjudian dan persundalan ini sebagai suatu pekerjaan dan kehendak utama dalam mendapatkan sumber kewangan yang lebih mudah.

Dalam masa yang sama, Abdul Kadir Adabi secara jelas menyatakan persoalan tentang agihan daripada harta mereka itu akan digunakan pada jalan-jalan kebaikan walaupun hakikat sebenarnya mereka mengetahui dengan sebaiknya sumber pendapatan yang diperolehi. Perspektif Abdul Kadir Adabi hampir sama dengan penilain Syed Syeikh al-Hadi yang berpegang dengan falsafah bahawa masyarakat Melayu lebih gemar memupuk idea-idea feodal "*dunia adalah syurga untuk orang kafir*" (Talib Samat, 1992). Tidak dinafikan bahawa Abdul Kadir Adabi lebih gemar melihat kepada perspektif pemikiran dan kesan terhadap pengabaian perintah agama Islam. Idea-idea yang diamalkan oleh masyarakat Melayu inilah cuba dihapuskan oleh Abdul Kadir Adabi daripada menjadi suatu sentimen dan pemahaman mereka dalam mendapatkan sumber kewangan dengan mudah. Oleh hal demikian, Abdul Kadir Adabi menerapkan prinsip kemanusiaan sebagai asas panduan dalam menjalani kehidupan beragama seharian dengan menghindarkan amalan yang bercanggah dengan agama Islam.

Bahawa setiap pekerjaan yang dilakukan haruslah dimulakan dengan ilmu pengetahuan untuk memangkinkan hasil yang dituai. Pekerjaan yang dilakukan jika mempunyai niat yang baik pasti akan dikasihi oleh Allah S.W.T dengan rahmat dan berkatnya. Keterangan Za'ba melalui penceritaan kisah para Nabi dan para anbiya adalah untuk memberi peringatan bahawa pendidikan yang diperolehi walaupun dalam bentuk ilmu kemanusiaan lebih bernilai di sisi Tuhan daripada tidak menuntut sedikitpun ilmu pengetahuan baik untuk kegunaan sara hidup atau secara besar-besaran. Amalan bertanam dan berhuma bukannya amalan masyarakat Melayu seperti yang didakwa oleh Barat. Sebaliknya Za'ba mengangkat amalan bertanam dan berhuma sebagai perkerjaan terbaik apabila pekerjaan tersebut dikerjakan oleh para Nabi yang menjadi contoh terbaik kepada masyarakat Melayu untuk berbakti kepada tanah tanpa memikirkan nilai perkerjaan yang dilakukannya. (Patriot, 1919)

KESIMPULAN

Abdul Kadir Adabi menyifatkan konsep ad-din (الدين) dan prinsip kemanusiaan sebagai satu asas dalam membentuk kefahaman masyarakat Melayu mengenai Islam. Kemunculan majalah *Pengasuh* pada tahun 1918 sebagai pemangkin dalam mengetengahkan idea-idea reformis secara sederhana. Pendidikan yang diperolehi oleh Abdul Kadir Adabi bersama Tok Kenali di madrasah Muhammadi banyak mendorongnya dalam mengembangkan bakatnya melalui bidang penulisan semasa di usia muda. Kelebihan dalam menghasilkan karya yang bermutu tinggi menjadikan Abdul Kadir Adabi sebagai seorang *kader* yang berpengaruh dalam mengetengahkan aspek kemanusiaan secara lantang di Kelantan. Abdul Kadir Adabi memfokuskan kepada setiap perkara semasa yang berlaku atau perkara yang cuba diserapkan menjadi suatu budaya bagi masyarakat Melayu Kelantan. Abdul Kadir Adabi secara peribadinya amat membenci kepercayaan dan adat yang boleh menghakis pegangan terhadap agama Islam. Perjuangannya bersama majalah *Pengasuh* telah memberikan kesan yang besar kepada masyarakat Melayu di Kelantan khususnya dalam aspek kemanusiaan. Walaupun karakternya tidak diangkat sebagai hero di Kelantan namun idea-idea mengenai reformis menjadi panduan bagi rakan sejawat dalam keanggotaan Kaum Muda dalam meneruskan gagasan pembebasan daripada amalan feudalisme dan menerapkan prinsip kemanusiaan sebagai salah satu amalan yang sepatutnya diamalkan oleh masyarakat Melayu.

RUJUKAN

Al-Quran

Abu Mansur (1930) Pengasuh. "*Keadaan Pemerintah Perancis dan Islam Maghribi*", Bil. 297, 27 Jun 1930 Bersamaan 1 Safar 1349 Hijrah.

Abdul Kadir Adabi (1926) Pengasuh. "*Kewajipan Kelantan Sekarang*", Bil. 197, 11 Jun 1926 Bersamaan 1 Zulhijah 1344 Hijrah, Hlm, 2. Adabi, Pengasuh, "*Keadaan Yahudi di Turki*", Bil. 306, 6 November 1930 Bersamaan 15 Jamdilakhir 1349 Hijrah.

Adabi. (1930) Pengasuh, "*Ribut di dalam Muda*", Bil. 306, 6 November 1930 Bersamaan 15 Jamadilakhir 1349 Hijrah.

Abdul Kadir Ahmadi. (1930) Pengasuh. "*Apakah Tujuan Murid-Murid Ke Sekolah*", 11 Julai 1930 Bersamaan 15 Safar 1349 Hijrah.

Abdul Kadir Ahmad (1930). Pengasuh. "*Sekolah Perempuan di Kelantan*", Bil. 306, 6 November 1930 Bersamaan 15 Jamadilakhir 1349 Hijrah.

Abdul Kadir Kelantani (1927). Pengasuh. “*Perjudian dan Persundalan*”, Bil. 230, 1 September 1927 Bersamaan 15 Rabiulakhir 1346 Hijrah.

Muhamad Yusuf Kenali (1918). Pengasuh “*Menuntut Kemuliaan dan Kemenangan*”, Bil. 8, 20 Oktober 1918 Bersamaan 15 Muharam 117 Hijrah, Hlm, 1.

Patriot (1919). Pengasuh, “*Kelebihan Bertanam dan Berhuma*”, Bil. 23, 30 Mei 1919 Bersamaan 1 Ramadhan 1337 Hijrah.

Edip Oncu (2021). *The ‘Unholy’ Alliances: Jews, Turks, and Ottomans During the 15th and 16th Centuries*, KTUEFAD 1

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2020). *Memelihara Kesucian Agama Islam*, Harian Metro

Ungku Aziz (1987) *Pandangan Mengenai Melayu Malas*, 5 Disember 1987, Berita Harian.

Abdul Rahman al-Ahmadi (2004). *Abdul Kadir Adabi dan Asaad Shukri: Suatu Perbandingan*, Dewan Bahasa dan Pustaka

Ali Shariati (2017). *Agama Lawan Agama*, Terjemahan Ahmad Nabil Amir, Islamic Renaissance Front Berhad

Syeikh al-Hadi (2017). *Ugama Islam&Akal*, Malaha Press

Shaharudin Maaruf (2020). *Idea-idea Melayu tentang Pembangunan: Daripada Pembesar Feudal kepada Kapitalis*, SIRD

Talib Samat (1992). *Syed Syeikh al-Hadi: Sasterawan Progresif Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur